




# IMBASAN RENAL DTPA/ MAG3


## PENDIDIKAN PESAKIT



# Imbasan Renal DTPA/MAG3

## Apakah imbasan Renal DTPA/MAG3?

Imbasan Renal DTPA/MAG3 adalah ujian pengimejan khas yang **menilai fungsi buah pinggang anda serta memeriksa struktur buah pinggang, ureter dan pundi kencing**. Ujian ini melibatkan penggunaan sejumlah kecil bahan radioaktif bagi menghasilkan imej terperinci ginjal.



**Bahan 99mTc-DTPA**, disaring oleh buah pinggang dan membantu mengukur keberkesanan buah pinggang menapis darah. Sementara itu, 99mTc-MAG3, disingkirkan dengan lebih efisien oleh buah pinggang melalui rembesan tubul. Oleh itu, 99mTc-MAG3 biasanya menjadi pilihan, terutamanya bagi pesakit yang mungkin mengalami penyumbatan buah pinggang atau fungsi buah pinggang yang berkurangan.

## Kelebihan Imbasan ginjal DTPA/MAG3



1

### Membantu Diagnosis Masalah Buah Pinggang

Imbasan ini membantu mengenal pasti patologi buah pinggang tertentu seperti nekrosis tubular akut (ATN), hidronefrosis (bengkak buah pinggang akibat pengumpulan air kencing).

### Mengesan Penyumbatan

Imbasan ini boleh menemui sebarang penyumbatan yang menghalang air kencing daripada mengalir dengan normal dari buah pinggang ke pundi kencing.



2



3

### Selamat untuk Kebanyakan Pesakit

Imbasan ini selamat walaupun untuk mereka yang mempunyai alahan terhadap kontras X-ray beriodina biasa atau mempunyai fungsi buah pinggang lemah.

### Pengimejan Dinamik dan Penilaian Aliran Darah

Imbasan ini menghasilkan imej bergerak secara masa nyata yang menunjukkan bagaimana darah mengalir melalui buah pinggang dan bagaimana air kencing dihasilkan serta disalurkan.



4



5

### Memantau Pemindahan dan Kecelakaan Buah Pinggang

Ia digunakan untuk menilai fungsi dan bekalan darah buah pinggang yang dipindahkan serta menilai kecederaan pada buah pinggang bagi memastikan organ tersebut sihat dan berfungsi dengan baik.

## Risiko dan Had

Imbasan ini menggunakan jumlah kecil pengesan (tracer) radioaktif yang memancarkan sinar gamma, seperti X-ray. Dos radiasi yang digunakan adalah sangat rendah dan secara amnya dianggap selamat.

Sesetengah pesakit mungkin mengalami sedikit ketidakselesaan, kesakitan, atau kemerahan di tempat suntikan. Walaupun jarang, kesan sampingan ringan seperti sakit kepala atau reaksi alahan boleh berlaku, tetapi ia biasanya hanya untuk sementara dan tidak serius.



## Bagaimana Imbasan Renal DTPA/MAG3 dilakukan?

### 1 Imaging

Apabila anda tiba, kakitangan Perubatan Nuklear kami akan menerangkan prosedur kepada anda dengan terperinci. Semasa imbasan, anda akan diminta berbaring di atas katil imbasan, serta untuk mengelakkan pergerakan. Kamera gamma akan diletakkan berhampiranperut anda.

Sejumlah kecil bahan radioaktif, sama ada **Tc-99m DTPA** atau **Tc-99m MAG3**, akan disuntik ke dalam vena lengan anda, dan imbasan dinamik akan dimulakan serta-merta. Imbasan ini mengatmbil masa kira-kira **40 minit**, dan adalah penting untuk anda tidak bergerak bagi memastikan imej yang tepat.



### Radioactive Tracer Injection 2



Ubat yang dipanggil **furosemide (Lasix)** akan diberikan, biasanya sekitar **20 minit selepas suntikan pertama**, bagi membantu buah pinggang menghasilkan lebih banyak air kencing. Ini membantu mengenal pasti sebarang sumbatan dalam saluran kencing. Ubat tersebut akan disuntik melalui tempat suntikan yang sama seperti suntikan pertama.

Selepas imbasan selesai, anda mungkin diminta untuk mengosongkan pundi kencing dan kembali untuk imbasan selepas buang air kecil. Keseluruhan prosedur biasanya mengambil masa kira-kira **1 jam**.

## Persediaan Sebelum Imbasan



Anda tidak perlu untuk berpuasa atau mengikut diet khas sebelum imbasan dijalankan. Adalah penting bagi anda untuk kekal terhidrat dengan meminum air secukupnya sebelum prosedur.

Bagi kanak-kanak berumur di bawah lima tahun, sedasi ringan mungkin diperlukan untuk membantu mereka agar tidak bergerak. Dalam kes sedemikian, kanak-kanak tersebut perlu **berpuasa sekurang-kurangnya dua jam sebelum prosedur dijalankan**.

## Langkah Berjaga-jaga Selepas Imbasan



Selepas imbasan selesai, bahan radioaktif tersebut akan keluar dari badan anda secara semula jadi melalui air kencing. Anda dinasihatkan untuk **minum air secukupnya** selepas prosedur bagi membantu menyingkirkan bahan tersebut dengan lebih cepat.

Anda dinasihatkan untuk **menjaga jarak sekitar 1 meter daripada kanak-kanak** sepanjang hari.

## Bilakah Anda Akan Mendapat Laporan?



Sebaik sahaja imbasan selesai, imej tersebut akan disemak oleh doktor yang bertugas. Dalam kebanyakan kes, laporan akan tersedia pada penghujung hari yang sama.

## Kehamilan dan Penyusuan



Jika anda hamil atau mengesyaki diri anda hamil, sila maklumkan kepada kakitangan kami sebelum prosedur dijalankan. Ini kerana imbasan Perubatan Nuklear tidak dibenarkan semasa hamil bagi mengelakkan pendedahan radiasi kepada bayi.


Bagi ibu yang menyusui, anda biasanya dinasihatkan untuk **berhenti menyusu selama 24 jam** selepas imbasan dan membuang susu ibu dari badan dalam tempoh tersebut.



## Imej-imej Imbasan Renal DTPA/MAG3



Tiada penyingkiran bahan pengesan daripada buah pinggang menunjukkan berlakunya **halangan**.



Untuk maklumat lanjut, sila hubungi kami:

+603-7494 1017

+603-7491 1483

smc@sunway.com.my

Pusat Perubatan Nuklear terletak di:  
Basement, Tower C

Waktu Operasi

Isnin-Jumaat

Sabtu

Tutup pada Ahad dan Cuti Umum

8.30am - 5.30pm

8.30am - 12.30pm